

BSN serah sumbangan RM100,000 kepada PDM

KUALA LUMPUR 31 Jan. - Bank Simpanan Nasional (BSN) menyumbang sebanyak RM100,000 hasil kutipan larian kategori korporat BSN Putrajaya Night Marathon 2014 kepada Persatuan Disleksia Malaysia (PDM).

Sumbangan tersebut diserahkan oleh Pengerusi BSN, Tan Sri Abu Bakar Abdullah kepada Bendahari PDM, Dr. Abdul Aziz Abu Hassan di Wisma BSN Kuala Lumpur, Selasa lalu.

Menurut Abu Bakar, larian yang diadakan pada Oktober tahun lalu itu menamakan PDM sebagai penerima rasmi bagi kategori Larian Tanggung-

jawab Sosial Korporat 10 Kilometer (km).

“Kami berharap program sebegini dapat memberi peluang kepada warga korporat BSN untuk menyumbang dan pada masa sama dapat memberi manfaat dalam mengumpul dana bagi mereka yang memerlukan,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Selain penyerahan cek, majlis itu turut diserikan dengan kehadiran 20 kanak-kanak disleksia yang diberi peluang berinteraksi dengan maskot Kelab Penabung Muda (KPM) BSN iaitu Amy dan Ally.